

No. Rujukan : USM53/26

Tarikh : 31 Januari 2022

Dekan/Pengarah/  
Penyelaras/Ketua Jabatan  
Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan  
Kampus Induk

**Bangunan Canselor**  
(Chancellery Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-6533888  
[www.usm.my](http://www.usm.my)

## **HEBAHAN PENDAFTAR BILANGAN 7 TAHUN 2022 : ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH UNTUK STAF DI KAMPUS INDUK**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas. Saya mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada warga universiti yang menyambut perayaan ini serta mendoakan kesejahteraan dan keselamatan kepada seluruh warga Universiti Sains Malaysia di samping keluarga masing-masing.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, pihak universiti mengambil perhatian yang serius terhadap peningkatan mendadak kes COVID-19 kebelakangan ini di samping keimbangan terhadap kes jangkitan yang melibatkan varian baharu virus ini di seluruh negara. Justeru, bagi mengawal penularan wabak COVID-19, pihak universiti melalui Mesyuarat Khas Situasi Semasa COVID-19 Dalam Kampus pada 31 Januari 2022 telah mengambil keputusan untuk mengarahkan **semua staf di Kampus Induk untuk Bekerja Dari Rumah pada 3 dan 4 Februari 2022 (Khamis dan Jumaat)**.

3. Arahan ini dikecualikan kepada staf yang terlibat dengan tugasan barisan hadapan, terlibat dengan penyampaian perkhidmatan perlu (*essential*), tugasan kritikal penyelidikan dan tugas pengajaran serta keperluan penjagaan peralatan di makmal.

4. Di samping itu, Ketua Jabatan perlu sentiasa memastikan staf mematuhi semua prosedur keselamatan dan kesihatan pekerjaan di PTJ masing-masing serta arahan/SOP yang dikeluarkan oleh pihak *Pusat Pengurusan Bencana (Nerve Centre)* dari semasa ke semasa.

**HEBAHAN PENDAFTAR BILANGAN 7 TAHUN 2022 : ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH  
UNTUK STAF DI KAMPUS INDUK**

5. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi talian *hotline* Bilik Gerakan USM seperti di bawah:

- Kampus Induk : 04-6532267 / 04-6536124 (*Nerve Centre*)
- Kampus Kesihatan : 09-7671310
- Kampus Kejuruteraan : 04-5995530/5531/5532/5533
- Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) : 04-5622999
- E-mel : [nerve\\_centre\\_usm@usm.my](mailto:nerve_centre_usm@usm.my)

6. Segala perhatian dan kerjasama Ketua Jabatan dalam memastikan arahan ini dilaksanakan di PTJ masing-masing amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(DR. MUSA BIN HJ. ALI)  
Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan-timbalan Naib Canselor

Pengarah Pusat Pengurusan Bencana (*Nerve Centre*)